

Sukar baik jika Australia tak usaha atasinya

— PM
31 MAY 1991

KOTA BAHARU 30 Mei — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, hubungan Malaysia dengan Australia tidak akan baik selagi negara itu tidak mencari jalan untuk memperbaikinya semula.

"Hubungan dengan Australia kurang baik, kita tak berapa seronok kerana dia mengatakan kepada kita macam-macam dan dia mengatakan ini kebudayaan dia dan hak dia untuk mengatakannya," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau akui bahawa memang akhbar bebas dan boleh memaki Malaysia, kerana itu haknya, "kita tak apa, itu hak dia".

"Tetapi bila kita marah dia kata kita tak ada hak maki dia, ini pelik sikit," tambahnya semasa berucap merasmikan Jambatan Pasir Mas-Salor di Kampung Aur Duri, 12 kilometer dari sini hari ini.